

GARIS PANDUAN PUSAT PENJAGAAN ORANG TUA

1. Perletakan Pusat Penjagaan

Pusat jagaan boleh dijalankan mengikut kesesuaian tapak di:

- i. Rumah sesebuah
- ii. Rumah berkembar
- iii. Rumah teres hujung (ada kawasan lapang)
- iv. Di atas lot yang dirizabkan bagi kegunaan tersebut

2. Lokasi Bangunan

- i. Jalan keluar masuk sekurang-kurang 33' (10 meter) dari simpang utama
- ii. Tidak terletak di kawasan sesak di mana lokasi bangunan tidak terletak di sebatang jalan yang sibuk / jalan utama.
- iii. Tiada halangan dari jiran berkaitan bunyi bising dan kesesakan lalu lintas
- iv. Mendapat kebenaran dari pemilik rumah.

3. Keselamatan Premis

Premis yang digunakan ditentukan selesa, selamat dan perlu mematuhi segala syarat-syarat yang akan dikenakan oleh pihak Bomba.

4. Peredaran Udara Dan Cahaya Semulajadi Bersih

Ada peredaran udara dan cahaya semulajadi.

5. Kegunaan Ruang

Ruang Pusat Jagaan perlulah diasingkan dari aktiviti pejabat / pengurusan. Perlu disediakan kemudahan dan perlatan bagi:

- i. Aktiviti berekreasi seperti:
 - bersarapan / makan
 - bermain dalam bangunan dan luar
 - bersenam
 - menyediakan makanan
 - memasak
 - memandikan
 - mencuci dan menyimpan pakaian
 - dan lain-lain.